

KENYATAAN MEDIA UNTUK SIARAN SEGERA

Maklumbalas CIDB Malaysia Mengenai Kenyataan PERKOBF

Kuala Lumpur – 2 Julai 2022: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ingin memberi penjelasan mengenai dua isu utama berkaitan CIDB yang telah dibangkitkan oleh Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) melalui Presidennya Tukiman bin Radion pada 1 Julai 2022.

Pertama berkenaan syarat mewajibkan kontraktor G1 yang memegang Sijil Taraf Bumiputera (STB) untuk naik ke G2 untuk mengekalkan STB.

Polisi ini diperkenalkan bagi memberi peluang kepada generasi baru untuk menceburi bidang pembinaan dan menimba pengalaman menerusi peluang menjalankan kerja-kerja kerajaan. Selain dari itu, keperluan bagi menaikkan gred ini akan menjadikan kontraktor Bumiputera lebih berdaya saing serta kompetitif sebagai persediaan untuk pasaran pembinaan yang lebih mencabar pada ketika ini. Kontraktor-kontraktor yang telah berpengalaman lebih 20 tahun ini dilihat telah menimba banyak pengalaman dan mampu untuk naik ke gred yang lebih tinggi bagi melaksanakan projek-projek yang lebih besar yang ditawarkan di sektor swasta dan tidak bergantung sepenuhnya kepada projek-projek di sektor Kerajaan. Kontraktor G2 boleh menjalankan projek-projek pembinaan bernilai RM200,001 sehingga RM500,000.

CIDB ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan, melalui Kementerian Kerja Raya (KKR), sama sekali tidak meminggirkan kontraktor Bumiputera gred G1, dan dasar keutamaan kepada usahawan Bumiputera masih lagi kekal terpakai sepertimana yang diperuntukkan sebelum ini.

Pemeriksaan agenda Bumiputera adalah aspek penting untuk pembangunan negara. Pihak CIDB, selaras dengan agenda Kerajaan, akan terus memartabatkan serta menggalakkan penglibatan kontraktor Bumiputera dengan pelbagai sokongan yang disediakan Kerajaan.

Pada masa yang sama, CIDB menggalakkan para kontraktor Bumiputera untuk sentiasa meningkatkan keupayaan mereka agar menjadi lebih kompetitif, berwawasan dan mempunyai integriti yang tinggi supaya dapat bersaing dan berdaya maju.

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, CIDB komited untuk terus meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam industri pembinaan Malaysia. CIDB juga sentiasa terbuka dalam menerima maklumbalas dari para penggiat industri dalam usaha meningkatkan perkhidmatannya secara berterusan.

Perkara kedua adalah mengenai Sistem atas talian CIDB yang memerlukan kontraktor untuk mendaftar semula dan membayar yuran proses dan pendaftaran semula sekiranya gagal di dalam permohonan.

CIDB sedang giat membuat penambahbaikan sistem pendaftaran secara atas talian tersebut iaitu cims.cidb.gov.my. Penambahbaikan yang dibuat ini adalah berdasarkan kepada komen serta input yang diperolehi dari pihak kontraktor iaitu pengguna utama sistem tersebut. Penambahbaikan sistem ini juga akan sentiasa dibuat dari masa ke semasa bagi memastikan sistem yang diguna pakai memudahkan kontraktor apabila berurusan dengan CIDB.

Selain daripada penambahbaikan sistem, CIDB juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para penggiat industri. Dalam hal ini, CIDB telah mengadakan satu sesi libat urus pada 28 April 2022 yang lalu bersama PERKOBF, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) bagi mendapatkan input mengenai permasalahan yang dihadapi oleh kontraktor berkaitan perkhidmatan CIDB. Melalui sesi tersebut, CIDB telah mengambil maklum berkenaan input serta komen yang mana ianya bukan sahaja bagi penambahbaikan sistem cims.cidb.gov.my tetapi juga untuk menambahbaik mutu perkhidmatan serta penyampaian CIDB.

#####

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
